

23 MAR 1999

Sabah-Giliran

ISU PENGGILIRAN: KERAJAAN NEGERI SERAH KEPADA RAKYAT

KOTA KINABALU, 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri akan menyerah kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada sistem penggiliran jawatan ketua menteri patut dikekalkan, kata Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

Menurutnya, rakyat boleh menyuarakan pendapat melalui pelbagai saluran seperti parti politik atau badan bukan kerajaan.

Beliau berkata kerajaan mahukan pendapat menyeluruh serta mencerminkan hasrat rakyat sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

"Kita mahu pandangan yang ikhlas dan jujur sebab kita tidak mahu masalah timbul," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis angkat sumpah Timbalan Ketua Menteri Datuk Wilfred Bumburing serta 14 pembantu menteri di Istana Negeri di sini hari ini.

Osu mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan menyerahkan kepada rakyat Sabah untuk memutuskan sama ada sistem itu patut diteruskan ataupun tidak.

Sistem penggiliran itu yang diilhamkan oleh Dr Mahathir, dilaksanakan selepas pilihan raya negeri Sabah pada 1994 bagi membolehkan jawatan ketua menteri disandang secara bergilir-gilir selama dua tahun di kalangan tiga masyarakat terbesar di Sabah terdiri daripada Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

Parti pembangkang Parti Bersatu Sabah menjadikannya satu isu pada pilihan raya negeri kesembilan pada 12 dan 13 Mac lepas, dan menjanjikan bahawa sistem itu akan dihapuskan jika ia berkuasa. Pada pilihan raya itu Barisan Nasional memenangi 31 daripada 48 kawasan Dewan Undangan Negeri untuk kembali berkuasa manakala PBS menang 17.

Osu berkata sistem penggiliran itu diperkenalkan kerana ia dapat mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat Sabah.

Beliau berkata keputusan pilihan raya baru-baru ini menunjukkan ada yang menyokong parti pembangkang walaupun parti berkenaan telah menyuarakan bantahan terhadap pelaksanaan sistem itu.

"Ini mungkin antara (sebab) yang mendorong Perdana Menteri menyerah perkara ini kepada rakyat sama ada penggiliran jawatan ini patut dikekalkan," kata Osu.

Bumburing yang juga Timbalan Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) berkata isu itu wajar diserahkan kepada rakyat untuk diputuskan.

"Pandangan itu sudah tentu akan dibincangkan oleh kerajaan dari masa ke masa dan kita menghormati pandangan rakyat Sabah," katanya.

Presiden Parti Liberal Demokratik Datuk Chong Kah Kiat berkata bahawa seperti juga Perdana Menteri, beliau ingin juga tahu pendapat rakyat mengenai perkara itu.

"Kita tidak boleh membuat andaian, sebaliknya berilah mereka peluang untuk menyuarakan pendapat," katanya.

-- BERNAMA

HAK MAI